



LEMBAGA GETAH MALAYSIA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah yang masih dibenarkan membuat sebutharga bagi bekalan & perkhidmatan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN
LGM/SH/ UTM/6/ 2017	MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN PENGELUARAN KAD PERMIT AUTORITI TRANSAKSI GETAH (PAT-G) UNTUK KEGUNAAN IPG DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA	Kod bidang yang Berdaftar dengan Kementerian Kewangan 1. 21 01 01	Tarikh Taklimat : TIADA TAKLIMAT Tarikh Jualan : 23-30 Januari 2017 Masa : 10.00 Pagi – 4.30 Petang Tempat : Unit Teknologi Maklumat Tingkat 1, Bangunan Getah Asli, 148, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat pada tarikh dan di alamat seperti di atas dengan menunjukkan sijil-sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan lain-lain yang berkaitan serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen sebutharga.

Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM53.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga sahaja termasuk 6% GST)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama LEMBAGA GETAH MALAYSIA. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan **sebelum atau pada 31 Januari 2017, jam 12.00 tengahari.**

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(Peti No.3 & 4)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.